



26 OKTOBER 2022

---

## MBOT BAKAL MENJADI PENANDATANGAN PENUH SEOUL ACCORD 2023-2024

---

Putrajaya, 26 Oktober - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menjadi Penandatangan sementara Seoul Accord iaitu perjanjian akreditasi bagi program pengkomputeran dan teknologi maklumat sejak tahun 2019.

MBOT menyasarkan untuk menjadi Penandatangan Penuh Seoul Accord pada tahun 2021. Namun disebabkan oleh pandemik COVID 19, perancangan ini tergendala memandangkan proses penandatangan penuh ini memerlukan Sekretariat Seoul Accord menjalankan sesi audit secara fizikal ke atas MBOT.

Pada tahun ini, MBOT mengambil inisiatif untuk meneruskan komitmen sebagai Penandatangan Penuh. Antaranya ialah penyertaan dalam 2022 Seoul Accord Mid-term Meeting pada 27 Jun 2022 serta Seoul Accord Workshop Meeting yang telah diadakan pada 5 Oktober 2022. Melalui penyertaan ini, MBOT lebih berkeyakinan tinggi untuk memenuhi semua keperluan dan kriteria yang ditetapkan oleh Seoul Accord.

Selain itu juga, MBOT telah melantik Australian Computer Society (ACS), Australia sebagai mentor yang akan membantu MBOT ke arah negara penandatangan. MBOT turut menubuhkan satu task force khususnya bagi menambah baik proses akreditasi bagi program pengkomputeran dan teknologi maklumat serta memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Seoul Accord.

Penyertaan Malaysia dalam Seoul Accord ini akan memberi manfaat kepada program-program pengkomputeran dan teknologi maklumat yang sama ada telah diiktiraf atau dalam proses untuk diiktiraf oleh MBOT. Program-program akademik ini akan setanding dengan negara-negara maju yang merupakan Penandatangan Seoul Accord iaitu Korea Selatan, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Australia dan Mexico.

Dengan menjadi sebahagian daripada Seoul Accord juga akan memberi kelebihan kepada bakat tempatan khususnya dalam aspek mobiliti memandangkan mereka akan mudah diterima oleh majikan-majikan di negara penandatangan lain. Ini kerana kualiti graduan daripada program yang diiktiraf oleh Seoul Accord akan terjamin kerana mereka memenuhi *standard* dan kriteria yang ditetapkan dalam perjanjian pelbagai pihak ini.

Diasaskan pada 2008, Seoul Accord bertujuan untuk menyumbang kepada kemajuan pendidikan dalam pengkomputeran dan teknologi maklumat di peringkat antarabangsa menerusi pengiktirafan silang program akademik.

**Datuk Ts Ir Dr Siti Hamisah binti Tapsir**  
**Presiden**  
Lembaga Teknologis Malaysia